



Rujukan Kami : UPM.PEND.100-1/5/1 (6)
Tarikh : 13 April 2023

**PEKELILING PENDAFTAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BILANGAN 1 TAHUN 2023**

**Perubahan Penggunaan Frasa Penutup Dalam Urusan Penyediaan
Surat Di Universiti Putra Malaysia**

Tujuan

1. Pekeliling Pendaftar ini dikeluarkan bagi melaksanakan arahan Kerajaan berhubung penggunaan frasa dalam urusan penyediaan surat Kerajaan di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Latar Belakang

2. UPM melalui hebahan e-mel Info UPM bertarikh 2 Ogos 2021 telah menerima pakai saranan kerajaan melalui surat Kementerian Pengajian Tinggi nombor rujukan KPT.100-1/6/1 berkenaan penggunaan frasa "WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030" (slogan WKB 2030) sebagai tambahan kepada frasa "BERILMU BERBAKTI" yang telah diperkenalkan sejak tahun 1975 melalui lencana Universiti Pertanian Malaysia dalam semua urusan rasmi UPM.

3. Namun begitu penggunaan slogan WKB 2030 telah dimansuhkan menerusi pemakluman daripada Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, surat bernombor rujukan JPA.100-1/4/1 (10) bertarikh 2 Disember 2022. YAB Perdana Menteri telah bersetuju penggunaan frasa "WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030" dikeluarkan manakala frasa "BERKHIDMAT UNTUK NEGARA" yang telah diperkenalkan sejak tahun 1979 dikekalkan bagi penyediaan surat rasmi Kerajaan.

4. Seterusnya, Kerajaan telah meluluskan Agenda Malaysia MADANI sebagai hala tuju baharu Kerajaan Perpaduan. Agenda ini turut disokong oleh visi "Membina Malaysia yang Madani, Maju dan Sejahtera menjelang 2030".

Bagi menyebarkan agenda dan hala tuju baharu Kerajaan ini, satu frasa baharu iaitu "MALAYSIA MADANI" ditambah sebelum frasa "BERKHIDMAT UNTUK NEGARA" dalam semua surat rasmi Kerajaan.

5. Selain daripada itu, UPM melalui Minit Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) 655.07(c) telah bersetuju supaya setiap urusan penyediaan surat hendaklah diakhiri dengan frasa "Saya yang menjalankan amanah" selaras dengan surat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam nombor rujukan JPA.BPP(S)193/6/84 Jld. 4(3) bertarikh 20 September 2018.

Tafsiran

6. **Malaysia Madani** adalah berlandaskan Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan.

7. **Amanah** adalah bermaksud:

- (a) Relas dan berusaha melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dalam batas kuasa yang ditentukan dengan penuh gigih dan ikhlas bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan
- (b) Mempunyai sifat luhur dan murni, jujur kepada diri sendiri, rakan dan organisasi.

Pelaksanaan

8. Mulai tarikh kuat kuasa Pekeliling Pendaftar ini, frasa "WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030" adalah digugurkan dan digantikan kepada frasa "**MALAYSIA MADANI**".

9. Frasa "BERKHIDMAT UNTUK NEGARA" pula digantikan kepada frasa "**BERILMU BERBAKTI**" yang telah diperkenalkan sejak tahun 1975 melalui lencana Universiti Pertanian Malaysia dalam semua urusan rasmi UPM.

10. Format surat hendaklah diakhiri dengan frasa "**Saya yang menjalankan amanah**" sebelum tanda tangan pegawai yang berkenaan.

11. Sekiranya terdapat surat menyurat dengan pihak luar yang menggunakan bahasa lain, maka frasa ini hendaklah digunakan dalam bahasa asal iaitu Bahasa Melayu dan tidak diterjemahkan ke sebarang bahasa lain.

12. Panduan bagi penulisan frasa tersebut adalah seperti di Lampiran A.

Tarikh Kuat Kuasa

13. Pekeliling Pendaftar ini berkuat kuasa serta merta mulai 1 Mac 2023.

Pemakaian

14. Jawatankuasa Pengurusan Universiti Putra Malaysia Ke-863 (17/2023) bertarikh 29 Mac 2023 melalui Minit 863.06(f)(3) telah bersetuju terhadap pelaksanaan perubahan penggunaan frasa penutup dalam urusan penyediaan surat di Universiti Putra Malaysia.

Pembatalan

15. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling ini, arahan penggunaan frasa "WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030" melalui hebahan info e-mel UPM bertarikh 2 Ogos 2021 dan apa-apa kelulusan secara dalaman UPM berkenaan perkara ini adalah dibatalkan.

"MALAYSIA MADANI"

"BERILMU BERBAKTI"

Saya yang menjalankan amanah,



(MUHAZAM BIN MANSOR)

Pendaftar

Universiti Putra Malaysia

**FORMAT PENGGUNAAN FRASA PENUTUP DALAM URUSAN
PENYEDIAAN SURAT DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Nombor Rujukan

Tarikh

Alamat Penerima

Gelaran,

PERKARA

Pembuka kata dan kandungan surat

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERILMU BERBAKTI”

Saya yang menjalankan amanah,

(NAMA PEGAWAI)

b.p. Pendaftar

Universiti Putra Malaysia

